

Kosmo
 171717
 ms-3

Tunku Tun Aminah akan diijab kabul dengan jejaka Belanda pada 14 Ogos ini

Puteri Sultan Johor bakal bernikah

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

JOHOR BAHRU – Puteri tunggal Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim memilih Dennis Muhammad Abdullah, seorang warga Belanda, sebagai bakal suaminya.

Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli berkata, pasangan tersebut akan bernikah pada 14 Ogos ini dan

perkahwinan diraja pasangan itu akan dilaksanakan dengan penuh adat istiadat Melayu dan budaya Istana Johor.

Menurut beliau, istiadat meletak kerja dengan menaikkan bendera istiadat kerajaan akan diadakan pada 8 Ogos ini bagi menandakan permulaan istiadat perkahwinan diraja.

Beliau berkata, majlis tahlil dan doa kesyukuran akan diadakan pada pukul 6.30 petang, 10 Ogos ini di Masjid Pasir Pelangi di sini bagi memohon restu Allah SWT terhadap perkahwinan berkenaan.

“Sultan Johor, Sultan Ibra-



ISTANA Bukit Serene di Johor Bahru.



ABDUL RAHIM



TUNKU TUN AMINAH

Johor, Datuk Muhammad Tah-

INFO

Anakanda Sultan Johor dan Raja Zarith Sofiah

- Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail, 33 (Berkahwin dengan Che Puan Khaleeda Bustaman pada 24 Oktober 2014)
- Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah, 31
- Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, 30
- Tunku Laksamana Johor, Almarhum Tunku Abdul Jalil Iskandar Ibrahim Ismail, 27 (Mangkat pada 5 Disember 2015)
- Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Hassanal Jeffri, 24
- Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Mahmood Iskandar Ibrahim, 16



DARI kiri: Tunku Idris, Tunku Ismail, Sultan Ibrahim, Raja Zarith Sofiah, Tunku Tun Aminah, Almarhum Tunku Abdul Jalil, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Abu Bakar (depan sekali).

pakan seorang yang aktif dengan melibatkan diri dalam su-

luk Islam pada 31 Mei 2015 di Pejabat Kadi Johor Bahru

INFO

Tunku Tun Aminah dan Dennis Muhammad

Tunku Tun Aminah

- **Nama Penuh:** Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim

Diputerikan pada 8 April 1986 di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

- Anakanda kedua daripada enam beradik

Pendidikan:

- Mendapat pendidikan asas di Hilltop Kindergarten di Johor Bharu
- Sekolah Convent dan Sekolah Seri Utama Johor Bahru (Peringkat Rendah)
- Australia International School di Singapura (Peringkat Menengah)
- La Salle School of Fashion and Design di Singapura

Gelaran:

- Diberi gelaran Tun pada tahun 2012 yang dikurniakan oleh Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

Jawatan:

- Presiden Kelab Bola Sepak Johor Darul Takzim (JDT) bermula tahun 2016
- Timbalan Yang Dipertua 1 Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Johor Bahru
- Penaung kepada dua pertubuhan iaitu Johor Bahru International Festival City dan Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan Johor Bahru

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan dan merestui perkahwinan anakanda mereka Tunku Tun Aminah, 31, itu dengan Dennis Muhammad, 28," kata Abdul Rahim yang mengumumkan mengenai istiadat perkahwinan berkenaan kepada pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Rahim memberitahu, istiadat perkahwinan diraja dimulakan dengan majlis pertunangan yang akan berlangsung pada pukul 10 pagi, 14 Ogos di Istana Bukit Serene diikuti istiadat nikah. Sultan Ibrahim berkenan mewakili Mufti

Johor, Datuk Muhammad Tahir Shamsudin sebagai wali.

"Istiadat persandingan pasangan itu akan bermula pada pukul 8 malam pada hari sama di Bilik Singgahsana Istana Besar," kata beliau.

Selepas itu, kata beliau, majlis bersiram pasangan itu akan diadakan pada 15 Ogos di Bandstand Bukit Bintang, Taman Botani Diraja Istana Besar sebelum pasangan pengantin akan dibawa menziarahi Makam Diraja Mahmoodiah pada 16 Ogos.

Jelas Abdul Rahim, Tunku Tun Aminah merupakan anakanda kedua daripada enam beradik diputerikan pada 8 April 1986 di Hospital Sultanah Aminah di sini.

Tunku Tun Aminah meru-

gan melibatkan diri dalam sukan lasak seperti menunggang kuda, jogging dan mendaki.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata, Dennis Muhammad atau nama asalnya Dennis Verbaas dilahirkan pada 1 Mei 1989 di Lisse, sebuah bandar berdekatan Amsterdam, Belanda dan merupakan anak kedua daripada tiga beradik.

Beliau berkata, anak pasangan Martin dan Henriette Verbaas itu menerima pendidikan di Fioretti College Hillegom, The Netherlands dan kemudian meneruskan pelajaran vokasional dalam bidang kejuruteraan mekanikal di ROC Leiden, The Netherlands.

Menurut Abdul Rahim lagi, Dennis Muhammad meme-

di Pejabat Kadi Johor Bahru dan dipimpin oleh pegawai agama bagi mempelajari Islam termasuk solat, berpuasa Ramadan, pengajian al-Quran, akhlak dan tulisan jawi selain dididik dalam Bahasa Melayu, budaya, etika serta protokol istana.

"Mulai tahun ini, Dennis Muhammad diasuh dan dipimpin oleh keluarga angkat yang diperkenan Tuanku.

"Jadual pelajaran agama ditambah dan prestasi beliau sentiasa dipantau oleh panel guru dan pendidik Jabatan Agama sehingga mencapai taraf yang diperkenankan. Dennis Muhammad lulus cemerlang dalam ujian tulisan, lisan dan praktikal," kata Abdul Rahim.

Dennis Muhammad Abdullah

● **Nama asal:** Dennis Verbaas

● **Tempat lahir:** Bandar Lisse, Amsterdam, Belanda

● Anak kedua daripada tiga beradik kepada pasangan Martin dan Henriette Verbaas

● Memeluk agama Islam pada 31 Mei 2015 di Pejabat Kadi Johor Bahru

Pendidikan:

● Fioretti College Hillegom, The Netherlands (Menengah)

● Menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan mekanikal di ROC Leiden, The Netherlands

Kerja sekarang:

● Pengurus Pemasaran Kelab Bola sepak Tampines Rovers di Singapura